

Makna Ujaran Tak Langsung “Baguslah” dalam Dialog antara Watak

Muhammad Zuhair Zainalⁱ, Md. Baharuddin Hj. Abdul Rahmanⁱⁱ

ⁱPensyarah, Universiti Sains Malaysia, zuhair@usm.my

ⁱⁱPensyarah, Universiti Sains Malaysia, mdbahar@usm.my

Abstrak

Makalah ini bertujuan untuk membincangkan makna ujaran tak langsung “Baguslah.” dalam dialog antara watak. Dialog tersebut diambil daripada skrip drama Gendang Kosong hasil tulisan Usman Awang. Perbincangan ini mengaplikasikan ilmu pragmatik berdasarkan Prinsip Makna dalam Interaksi (Thomas, 1995). Teknik analisis dokumen digunakan untuk meneliti ujaran yang terpilih. Hasil penelitian menunjukkan bahawa makna ujaran “Baguslah” yang digunakan dalam dialog antara watak yang terdapat dalam skrip drama Gendang Kosong bukan merujuk kepada makna leksikal, tetapi maknanya merujuk kepada makna konteks dan makna niat penutur. Ujaran tak langsung tersebut digunakan bukan hanya bertujuan untuk menyampaikan sesuatu makna atau niat secara berselindung dan menjadikan sesuatu bahasa lebih menarik, tetapi digunakan oleh penutur untuk bersantun dan menjaga air muka pendengar.

Kata kunci: *makna ujaran, ujaran tak langsung, pragmatik, skrip drama, bahasa Melayu*

1.0 PENGENALAN

Penggunaan ujaran tak langsung dalam dialog antara watak bagi sesebuah drama telah menjadi kemestian yang tidak dapat tidak perlu dihadirkan oleh pengarangnya. Hal ini dikatakan demikian kerana dialog yang dihasilkan dalam sesebuah skrip drama bukannya bersifat sembarangan. Ia tidak diutarakan sekadar bagi memenuhi adegan-adegan perbualan dalam sesuatu plot. Dialog antara watak tersebut dipersembahkan dengan penuh kejiwaan oleh pengarangnya agar para pembaca dan pendengar dapat menghayatinya tanpa kosong sebarang makna dan falsafah di sebaliknya. Zakaria Ariffin (1981, hlm. 22-23) berpendapat bahawa penggunaan dialog dalam drama (baik yang berbentuk prosa mahupun yang berbentuk sajak atau sajak bebas) tidak boleh digunakan sekadar hendak menggunakannya sahaja. Beliau turut menegaskan bahawa dialog dalam drama mempunyai tugas membangkit atau menubuhkan perasaan dramatik dan tidak kurang penting juga menguatkan dan menegangkan krisis yang mungkin dapat dibangkit oleh satu-satu suasana. Dialog yang lemah, iaitu yang tidak dramatik, tidak mungkin dapat membangkitkan apa-apa perasaan atau suasana dramatik.

Terdapat kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan penggunaan ujaran tak langsung tidak terhad penggunaannya dalam kalangan masyarakat Melayu sahaja. Kajian yang dilakukan oleh Cheng dan Warren (2003), Yasui (2005), Tran (2007) menunjukkan bahawa ujaran tak langsung turut dipraktikkan oleh masyarakat Hong Kong, Jepun dan Vietnam, malah kajian yang dijalankan oleh Yasui (2005), Noren dan Linell (2007) menunjukkan bahawa masyarakat barat turut menggunakan ujaran tak langsung dalam komunikasi mereka seperti dalam interaksi autentik dan ketika menolak permintaan yang dibuat oleh majikan.

Dalam budaya masyarakat Melayu, penggunaan ujaran tak langsung bukan sahaja digunakan dalam bahasa pertuturan seharian, tetapi juga turut digunakan dalam penulisan karya sastera khususnya skrip drama. Kewujudan ujaran tak langsung dalam karya sastera tersebut bukannya bersifat seni semata-mata, tetapi wujud disebabkan oleh pemikiran dan pengalaman yang nyata diperolehi oleh penulis-penulisnya melalui pergaulan serta adaptasi daripada adat, budaya, sosial, agama dan alam sekeliling masyarakat Melayu.

Dalam skrip drama, unsur yang utama ialah dialog. Dramatis kebiasaannya akan mencorakkan skrip drama mereka dengan dialog yang mengandungi pelbagai jenis ujaran. Pemilihan sesuatu ujaran amat penting, misalnya penggunaan ujaran langsung dan ujaran tak

langsung, supaya makna untuk setiap mesej yang ingin dilontarkan dapat disampaikan sepenuhnya secara berkesan.

Ujaran tak langsung ialah ujaran yang maknanya sengaja disembunyikan di sebalik makna asalnya disebabkan faktor tertentu dengan tujuan-tujuan tertentu. Proses mentafsir makna ujaran tak langsung memerlukan daya usaha yang teliti. Thomas (1995, hlm. 120) mentakrifkan ujaran tak langsung sebagai kos dan risiko. Menurut Cutting (2002, hlm. 19), pengujaran ujaran tak langsung ialah sebahagian daripada kehidupan seharian kita. Pengelasan ujaran dalam kategori ujaran tak langsung dan ujaran langsung bukan suatu tugas yang mudah, kerana banyak ujaran yang kita gunakan seharian adalah dengan menggunakan kedua-dua ujaran ini dan ujaran-ujaran ini sering mempunyai lebih daripada satu *macro-functions*.

2.0 METODOLOGI

Perbincangan dalam makalah ini berteraskan ilmu pragmatik. Pragmatik ialah disiplin ilmu yang membincangkan makna bagi sesuatu ujaran, terutamanya makna yang terselindung dengan menjadikan konteks sebagai salah satu unsur utama bagi menentukan makna sebenar bagi sesuatu ujaran. Ujaran tak langsung (UTL) "Baguslah." dalam dialog antara watak yang terdapat dalam skrip drama Gendang Kosong akan diteliti dan diinterpretasikan maknanya berpandukan Prinsip Makna dalam Interaksi yang diperkenalkan oleh Thomas (1995).

Thomas (1995, hlm. 22) menganggap pragmatik merupakan kajian makna dalam interaksi perbualan. Untuk mengetahui makna dalam interaksi perbualan, pemerian makna tersebut hendaklah dilakukan dengan berpandukan prinsip tertentu, iaitu makna abstrak, makna penutur (yang mencakupi makna konteks dan niat penutur) dan interpretasi pendengar.

Prinsip Makna dalam Interaksi melihat proses pembentukan makna perlulah melibatkan persetujuan bersama antara penutur dengan pendengar. Peranan konteks dan niat penutur amat penting untuk menerokai makna penutur. Konteks yang dimaksudkan ini mencakupi konteks fizikal, konteks sosial dan budaya, dan konteks linguistik. Selain itu, faktor interpretasi pendengar juga banyak mempengaruhi pembentukan makna ujaran dalam sesebuah interaksi perbualan.

Apabila menginterpretasikan sesuatu makna ujaran, khususnya ujaran tak langsung, Thomas (1995, hlm. 208) menegaskan bahawa pendengar hendaklah mengambil kira faktor kekangan sosial yang dihadapi oleh penutur ketika ujaran tersebut diujarkan. Thomas (1995, hlm. 124) telah menyenaraikan empat faktor kekangan sosial yang menyebabkan seseorang penutur mengujarkan ujaran tak langsung. Tiga daripada pandangan awal yang dikemukakan oleh Leech (1983), Brown dan Levinson (1987). Empat parameter tersebut ialah :

1. Kedudukan kuasa penutur kepada pendengar.
2. Jurang sosial antara penutur dengan pendengar
3. Saiz pengenaan
4. Hak dan tanggungjawab penutur dengan pendengar

Oleh sebab itu, untuk mengetahui makna ujaran tak langsung dalam dialog antara watak yang terdapat dalam skrip drama bahasa Melayu dengan lebih jelas, Prinsip Makna dalam Interaksi perlu diaplikasikan dengan menjadikan makna abstrak, makna penutur dan interpretasi penutur sebagai panduan utama.

3.0 HASIL DAN DAPATAN

DIALOG (1):

ISHAK: (*Sambil bangkit*) Nantilah kejab, saya nak ke jamban, sakit pulak perut dari tadi memulas. (*Sambil berjalan ke pintu untuk masuk ke dalam.*) Rosnah mana?

CIK PUAN: Hai, orang tengok mid-night, takkan nak bangkit lagi. Letih benar nampaknya.

ISHAK: Hai, dah pukul sepuluh lebih tak bangun-bangun lagi. **Baguslah.**

(Usman Awang, 1988, hlm. 69)

Dalam dialog (1) di atas, ujaran “Baguslah.” yang terdapat dalam ayat “Hai, dah pukul sepuluh lebih tak bangun-bangun lagi, Baguslah.” merupakan kata sifat tabii yang memberi pencirian kepada kualiti tertentu yang ada pada tabiat atau perangai manusia (Asmah Haji Omar, 2009: 165). Perkataan “Baguslah” tersebut juga merupakan kata yang dapat berdiri dengan bebasnya sebagai ayat minimal. Dari segi binaannya, kata tersebut berpolakan KV+KVK dan ditulis serangkai dengannya ialah partikel -lah.

Dari segi makna abstrak kata “bagus” bermaksud mempunyai keadaan atau sifat baik lagi memuaskan hati dan kata “bagus” binaannya digunakan sebagai kata pujian. Kata “lah” pula merupakan partikel penegas pada akhir kata yang menguatkan maksud atau pengertian kata “bagus” tersebut. Oleh itu, makna abstrak UTL “Baguslah.” dalam dialog (1) boleh difahami bahawa penutur (Ishak) mungkin memberikan satu pujian kepada anaknya kerana masih belum lagi bangun daripada tidur walaupun jam telah menunjukkan pukul sepuluh pagi. UTL “Baguslah.” tersebut mungkin juga bermaksud bahawa penutur (Ishak) berasa senang hati kerana pendengar (Cik Puan) membiarkan anak mereka tidur hingga tengah hari disebabkan pulang lewat malam ke rumah. Penutur (Ishak) juga mungkin mencuba untuk memberikan penghargaan kepada pendengar (Cik Puan) kerana menjadi ibu yang bertimbang rasa disebabkan tidak mengganggu tidur anak mereka yang keletihan itu.

Namun begitu, makna abstrak yang dinyatakan tidak dapat menggambarkan makna sebenarnya bagi UTL “Baguslah” tersebut. Hal ini demikian kerana terdapat banyak kata yang memperlihatkan pelbagai makna apabila konteks penggunaannya berubah. Oleh itu, analisis komponen makna yang berasaskan konteks adalah penting (Sang Seong, 2011, hlm. 42).

Makna penutur bagi UTL “Baguslah” dalam dialog (1) dapat difahami dengan lebih jelas sekiranya pendengar (Cik Puan) mentafsirkannya berpandukan konteks dan niat penutur. Hal ini berlaku apabila seseorang menggunakan bahasa, yang menjadi fokus ialah sesuatu yang dibuat dengan kata-kata dalam situasi tertentu. Oleh itu, hal-hal yang berkaitan dengan niat, tujuan, kepercayaan dan keinginan yang ada pada penutur ketika bercakap sewajarnya diberikan perhatian (Akmajian, 2002, hlm. 356). Jadual 1 di bawah merumuskan makna penutur bagi UTL “Baguslah” berpandukan konteks dan niat penutur.

Jadual 1: Makna Penutur Ujaran Tak Langsung “Baguslah.”

Ujaran tak langsung “Baguslah.”	
KONTEKS DAN NIAT PENUTUR	MAKNA PENUTUR
Konteks Fizikal dan Persekitaran	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penutur cuba melakukan bantahan kepada pendengar (Cik Puan) kerana membiarkan anak mereka lewat bangun daripada tidur pada waktu pagi. 2. Penutur (Ishak) ingin membuat kritikan dan teguran kepada pendengar (Cik Puan) kerana terlalu sibuk dengan aktiviti persatuan hinggakan tidak mempedulikan anak mereka.
Konteks Sosial dan Budaya	<ol style="list-style-type: none"> 3. Penutur mungkin ingin memberitahu pendengar bahawa dia tidak suka akan kelakuan anak mereka yang balik ke rumah lewat malam.
Konteks Linguistik	<ol style="list-style-type: none"> 4. Penutur ingin menyatakan perbuatan anaknya yang bangun lewat daripada tidur tersebut merupakan perbuatan yang tidak elok
Niat Penutur	<ol style="list-style-type: none"> 5. Penutur berniat mahu mencela tindakan pendengar dan perbuatan anak mereka tersebut.

Selain itu, makna UTL “Baguslah” dapat diinterpretasikan oleh pendengar (Cik Puan) berdasarkan faktor sejauh mana perlakuan bangun lewat daripada tidur mendapat tekanan sosial dalam budaya masyarakat Melayu. Secara adatnya, masyarakat Melayu menegah perbuatan bangun lewat daripada tidur. Perbuatan tersebut dipandang sebagai suatu perbuatan yang buruk dan bertentangan dengan ajaran Islam. Sebagai umat Islam, mereka perlu bangun pada awal pagi untuk bersolat Subuh dan bekerja untuk mencari rezeki. Larangan bangun lewat daripada tidur bertujuan untuk mendidik umat Islam supaya tidak bersikap malas dan membazir masa.

Dari sudut yang lain, pendengar (Cik Puan) juga dapat menginterpretasikan makna UTL “Baguslah” sebagai suatu bentuk bantahan, kritikan dan teguran disebabkan faktor hak dan tanggungjawab antara penutur dengan pendengar. Oleh sebab itu, penutur (Ishak) merupakan seorang bapa, maka dia berasa berhak untuk menegur sikap anaknya. Namun disebabkan pendengar (Cik Puan) lebih berkuasa dalam mentadbir hal ehwal keluarga mereka, penutur (Ishak) terpaksa menggunakan ujaran tak langsung untuk menyatakan bantahan, kritikan dan tegurannya. Perkara ini dapat dibuktikan dengan dialog berikut:

Dialog 1 (a) :

HASAN: *Mother* you tak bilang apa-apa?

ROSNAH: Oh no, dia tak pernah larang *I*. Dia suka pulak kalau *I* rapat dengan you.

Tapi father saja yang *conservative*. *But don't worry*, dia dengar apa kata *my mum*.

HASAN: *Good!*

(Usman Awang, 1988, hlm. 66)

Keupayaan kognitif pendengar (Cik Puan) untuk mengetahui dan menilai kekangan sosial yang dihadapi oleh penutur (Ishak) ketika mengujarkan UTL “Baguslah.” dapat membantu pendengar (Cik Puan) membuat pertimbangan untuk menginterpretasikan makna UTL “Baguslah.” tersebut. Oleh itu berdasarkan faktor hak dan tanggungjawab antara penutur dengan pendengar dan faktor sejauh mana perlakuan bangun lewat daripada tidur mendapat tekanan sosial dalam budaya penutur, maka pendengar (Cik Puan) akan dapat menginterpretasikan makna sebenar bagi UTL “Baguslah” dalam dialog (1).

Dari aspek akal budi orang Melayu, UTL “Baguslah.” dalam dialog (1) jelas menunjukkan bahawa penutur (Ishak) merupakan seorang ayah yang mengambil berat tentang hal ehwal anak perempuannya, terutama dari segi disiplin dan budi pekerti. Hal ini mencerminkan sikap orang

Melayu yang mengutamakan pembentukan sahsiah diri yang terpuji terhadap anak-anak supaya mereka menjadi manusia yang mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.

4.0 PENUTUP

Mengkaji makna ujaran tak langsung perlu berpandukan ilmu pragmatik. Hal ini dikatakan demikian kerana ujaran tak langsung merupakan ujaran yang melibatkan kos dan risiko yang mempunyai makna terselindung di sebalik makna asalnya. Dalam proses menerokai makna ujaran, teori dan prinsip pragmatik banyak bergantung pada faktor konteks dan amat peka terhadap penutur dan pendengar. Penerokaan makna secara menyeluruh akan tercapai dengan berpandukan Prinsip Makna dalam Interaksi, iaitu dengan meneliti aspek makna abstrak, makna penutur mencakupi niat penutur serta makna konteks, dan juga interpretasi pendengar.

RUJUKAN

- Akmajian, A., Richard, A.D., Ann, K.F., dan Robert, M.H. (2002). *Linguistik: Pengantar bahasa dan komunikasi*. (Terjemahan oleh Asiah Mahdi dan Azizah Hussain). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. dan Levinson, S.C (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Cheng, Winnie. dan Warren, M. (2003). *Indirectness, inexplicitness and vagueness made clearer*. *Journal of Pragmatics*, 13(3), 381-400. Diambil daripada <http://elanguage.net/journals/pragmatics/article/view/394/325>
- Cook, G. (1992). *Discourse*. Oxford: Oxford University Press.
- Cutting, J. (2002). *Pragmatics and discourse: A resource book for students*. London: Discourse Analysis Routledge.
- Huang. (2007). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. London: Longman.
- Nor Hashimah Hj. Jalaluddin. (1992a). Imperatif dan interogatif: Satu definisi Semula. *Dewan Bahasa*, 36(9), 882-891.
- Nor Hashimah Hj. Jalaluddin. (1992b). Implikatur: Satu aspek seni berbahasa orang Melayu. *Dewan Bahasa*, 36(8), 676-690.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noren, K. dan Linell, P. (2007). Meaning potentials and the interaction between lexis and contexts: An empirical substantiation. *Journal of Pragmatics*, 17(3), 387-416. Diambil daripada <http://elanguage.net/journals/pragmatics/article/view/557/482>
- Sang Seong, Goh. (2011). Penterjemahan kata kerja bahasa Cina-bahasa Melayu: Satu analisis ketepatan makna padanan. *Gema Online™ Journal Of Language Studies*, 11(1), 35-56. Diambil daripada <http://ejournal.ukm.my/gema/article/view/66/6>
- Searle, J.R. (1983). *Intentionality: An essay in philosophy of mind*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Tran, T. (2007). *Indirectness in Vietnamese newspaper commentaries : A pilot study* (Tesis PhD). Boleh diperoleh di ProQuest Dissertations and Theses database. (No. UMI 3262351)
- Yasui, Eiko. (2005). *Indirectness in request refusals: Differences between Americans and Japanese*. (Tesis master). Boleh diperoleh di ProQuest Dissertations and Theses database. (No. UMI 1426486)
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Zakaria Ariffin. (1981). *Drama Melayu moden dalam Esei*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Ringkas Penulis

Muhammad Zuhair Zainal (PhD) dan Md. Baharuddin Hj. Abdul Rahman (PhD) ialah pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.